

## ERRATA

Judul: Praktis Fokus UASA (2025) BAHASA MELAYU TAHUN 4A

Kod Buku: TAMPBM2504044TA

Penulis: 1. Chai Hooi Inn

2. Fara Ummaina binti Salikin

M/s	Unit	Kesalahan	Pembetulan
3	1	Petikan bahan 2 ➤ Ibu saya akan menyediakan kek hari lahir, makanan dan minuman yang enak. Kami juga ada mengundang jiran tetangga dan beberapa orang kawan Khalid yang lain,” jelas Fara.	Petikan bahan 2 ➤ Ibu saya akan menyediakan kek hari lahir, makanan dan minuman yang enak. Kami juga ada mengundang jiran tetangga dan beberapa orang kawan abang Khalid yang lain,” jelas Fara.
11	2	Petikan bahan 2 ➤ Berfikirlah secara waras dalam membuat sesuatu keputusan dalam kehidupan.	Petikan bahan 2 ➤ Berfikirlah secara waras sebelum membuat sesuatu keputusan dalam kehidupan.
15	2	Info tambahan ➤ Memastikan tangki air, bekas tadahan hujan ditutup.	Info tambahan ➤ Memastikan tangki air dan bekas tadahan hujan ditutup.
J-5	Jawapan	Bahagian D (Berformat: Syarahan) ➤ Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar, Encik Tian Long, para guru dan rakan rakan yang dikasihi.  ➤ Mereka juga mestilah mematuhi lampu isyarat dan memandang ke kiri dan kanan sebelum melintas.  Bahagian D (Tidak Berformat) ➤ Mereka juga mestilah mematuhi lampu isyarat dan memandang ke kiri dan kanan sebelum melintas.	Bahagian D (Berformat: Syarahan) ➤ Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar, Encik Tian Long, para guru dan rakan rakan yang dihormati.  ➤ Mereka juga mestilah mematuhi lampu isyarat dan memandang ke kanan, kiri dan kanan semula sebelum melintas.  Bahagian D (Tidak Berformat) ➤ Mereka juga mestilah mematuhi lampu isyarat dan memandang ke kanan, kiri dan kanan semula sebelum melintas.

### Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

#### BAHAN 1



Boleh, ayah. Wah, mesti abang gembira dan teruja!

Saya akan membantu ibu membuat persiapan. Saya sudah tidak sabar melihat **reaksi** abang semasa menerima kejutan ini nanti.

Pada minggu hadapan, ayah dan ibu akan *mengadakan* majlis hari lahir untuk abang kamu tanpa pengetahuannya. Bolehkah kamu menjemput kawan karib abang kamu, Chong dan Raju?

Ibu akan menyediakan kek hari lahir, makanan dan minuman. Selain itu, kita juga perlu menghias ruang tamu untuk majlis hari lahir tersebut.

#### BAHAN 2

“Chong, Raju, pada hari Sabtu minggu hadapan, keluarga saya akan *mengadakan* majlis hari lahir saya, Khalid tanpa pengetahuannya. Ayah dan ibu saya ingin membuat **kejutan**. Kalian berdua diundang ke majlis itu nanti.” tambah Fara lagi.

“Wah, seronoknya!” kata Chong. “Kami pasti datang ke majlis itu nanti,” balas Raju.

“Ibu saya akan menyediakan kek hari lahir, makanan dan minuman yang enak. Kami juga ada mengundang jiran tetangga dan beberapa orang kawan abang Khalid yang lain,” jelas Fara.

“Chong, pada pendapat kamu, apakah hadiah yang sesuai kita berikan kepada Khalid?” tanya Raju.

“Kita boleh belikan komik untuk Khalid. Dia sangat gemar membaca buku-buku genre **lucu**,” balas Chong.

“Betul kata kamu. Selepas pulang dari sekolah pada petang nanti, bolehlah kita ke kedai buku,” cadang Raju.

“Fara, mengapakah ayah dan ibu kamu membuat majlis hari lahir Khalid tanpa pengetahuannya?” tanya Chong.

“Ayah dan ibu saya terlalu gembira atas pencapaian cemerlang abang dalam peperiksaan yang lepas sehingga berjaya naik ke kelas pertama. Ayah dan ibu sangat **berbangga** akan kesungguhan abang,” jelas Fara.

#### Entri Kata

reaksi 反应

kejutan 惊喜

lucu 滑稽

berbangga 感到骄傲

## Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

## BAHAN 1

## TIP KESIHATAN MENTAL

Melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah

Tidur yang mencukupi

Berkongsi masalah dengan individu yang boleh dipercayai

Makan makanan yang seimbang

Elakkan mengambil bahan terlarang seperti dadah

Kekal aktif dan *berfikiran rasional*



## BAHAN 2

Kesihatan boleh menentukan kebahagiaan dan kesejahteraan hidup seseorang. Kesihatan mental menunjukkan satu keadaan yang sejahtera apabila seseorang individu menyedari tentang keupayaan diri, dapat mengendalikan tekanan dengan baik, dapat bekerja secara produktif dan mampu menyumbang kepada masyarakat. Terdapat pelbagai tip kesihatan mental yang boleh dipraktikkan oleh setiap individu. Antaranya adalah mendapatkan tidur yang cukup untuk mengembalikan tenaga yang telah digunakan seharian.

Selain itu, kita boleh melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah seperti beriadah bersama keluarga, bercuti ke tempat-tempat yang menarik dan sebagainya. Seterusnya, kita mestilah makan makanan yang seimbang agar badan sentiasa sihat dan minda sentiasa cerdas. Kita juga boleh berkongsi masalah dengan individu yang boleh dipercayai seperti kawan karib untuk mengurangkan **beban** di fikiran kita.

Kita juga hendaklah sentiasa *berfikiran rasional* dan kekal **aktif** dalam kehidupan. Berfikirilah secara waras sebelum membuat sesuatu keputusan dalam kehidupan. Bukan itu sahaja, kita juga hendaklah mengelakkan diri daripada mengambil bahan-bahan **terlarang** seperti dadah dan sebagainya. Kesimpulannya, kesihatan mental tidak boleh dipandang **remeh**. Justeru, setiap individu mesti berusaha untuk menjaga kesihatan mental dan emosi bagi meneruskan kelangsungan hidup dengan sihat dan sempurna.



## Entri Kata

beban 负担

aktif 积极

terlarang 禁止的

remeh 低估



### Bahagian C – Penulisan Perenggan [10 markah]


Grafik di bawah menunjukkan tentang kebersihan kawasan kediaman.

Tulis pendapat kamu tentang langkah-langkah menjaga kebersihan kawasan kediaman.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

#### Keperluan Menjaga Kebersihan Kawasan Kediaman



#### Info Tambahan

Pembiakan nyamuk Aedes dapat dielakkan dengan cara:

1. Membuang bekas yang boleh menakung air.
2. Memastikan tangki air dan bekas tadahan hujan ditutup.
3. Memastikan pasu-pasu bunga dan bekas tadahan dibuang airnya sekurang-kurangnya seminggu sekali.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**BAHAGIAN C**

Pada pendapat saya, antara panduan keselamatan jalan raya yang paling penting adalah mematuhi peraturan jalan raya. Hal ini dapat mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya. Contoh peraturan jalan raya yang perlu dipatuhi adalah memakai tali pinggang keledar, mematuhi lampu isyarat dan mematuhi had laju pemanduan. *(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)*

**BAHAGIAN D****Karangan Berformat: Syarahan**

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar, Encik Tian Long, para guru dan rakan-rakan yang dihormati. Tajuk syarahan saya ialah “Usaha-usaha Mencegah Kemalangan Jalan Raya”.

Hadirin yang dihormati,

Saban hari kita mendengar berita mengenai kemalangan jalan raya yang mengorbankan banyak nyawa. Oleh itu, pelbagai usaha mencegah kemalangan jalan raya perlu dilakukan.

Antara usahanya ialah pengguna kereta mestilah memakai tali pinggang keledar semasa menaiki kereta. Hal ini dapat mengurangkan risiko kecederaan semasa kemalangan.

Hadirin yang dikasihi,

Selain itu, sewaktu menunggang motosikal, kita hendaklah memakai topi keledar. Pemakaian topi keledar dapat melindungi kepala penunggang daripada cedera parah jika berlaku kemalangan.

Seterusnya, pejalan kaki perlulah menggunakan lintasan belang semasa melintas jalan raya. Mereka juga mestilah mematuhi lampu isyarat dan memandang ke kanan, kiri dan kanan semula sebelum melintas.

Sebelum saya mengundurkan diri, saya berharap agar kita dapat bersama-sama mencegah kemalangan jalan raya.

Sekian, terima kasih.

*(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)*

**Karangan Tidak Berformat**

Saban hari kita mendengar berita mengenai kemalangan jalan raya yang mengorbankan

banyak nyawa. Oleh itu, pelbagai usaha mencegah kemalangan jalan raya perlu dilakukan.

Antara usahanya ialah pengguna kereta mestilah memakai tali pinggang keledar semasa menaiki kereta. Hal ini dapat mengurangkan risiko kecederaan semasa kemalangan.

Selain itu, sewaktu menunggang motosikal, kita hendaklah memakai topi keledar. Pemakaian topi keledar dapat melindungi kepala penunggang daripada cedera parah jika berlaku kemalangan.

Seterusnya, pejalan kaki perlulah menggunakan lintasan belang semasa melintas jalan raya. Mereka juga mestilah mematuhi lampu isyarat dan memandang ke kanan, kiri dan kanan semula sebelum melintas.

Kesimpulannya, diharapkan agar semua pihak mematuhi peraturan jalan raya supaya dapat mencegah kemalangan jalan raya.

*(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)*

**Tema 4: Indahnyanya Budaya, Halusnya Seni ... m.s. 25****BAHAGIAN A**

1. **B dari** – kata sendi nama yang menerangkan atau menyatakan tempat mula bergerak (arah, tempat, masa)
  - A daripada – kata sendi nama yang menyatakan atau menunjukkan orang yang memberi, sumber atau punca sesuatu itu diperoleh
  - C ke – kata sendi nama yang digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat atau arah yang dituju, waktu atau masa
  - D kepada – kata sendi nama yang terletak di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan, menyatakan pecahan dan menyatakan perubahan keadaan
2. **A Cantik** – sangat menarik apabila dipandang
  - B Lembut – tidak keras, mudah dilentur, baik hati, elok perangai (budi bahasa), sopan
  - C Sedap – enak
  - D Manis – rasa seperti gula atau madu, sangat menarik (muka, percakapan, senyuman dan lain-lain)